

Kepuasan Mahasiswa Terhadap Kualiti Kehidupan Di Kolej Tun Ghafar Baba, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Hamdan Bin Said & Mohd Nazmizi Bin Mat Nawi
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti kehidupan di Kolej Tun Ghafar Baba. Kepuasan mahasiswa terhadap kualiti kehidupan ini ditinjau dari tujuh aspek iaitu persekitaran, kemudahan dan perkhidmatan, layanan staf dan ahli jawatankuasa mahasiswa kolej kediaman, pentadbiran pejabat, keseluruhan pengalaman, pengawasan dan keselamatan serta program dan aktiviti yang dijalankan. Kajian deskriptif ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan melibatkan seramai 306 responden Kolej Tun Ghafar Baba yang dipilih secara rawak. Data dianalisa dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)* dan dapatan dinyatakan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa mahasiswa berpuashati terhadap kualiti kehidupan di Kolej Tun Ghafar Baba dalam semua tujuh aspek yang dikaji. Kajian ini juga memajukan cadangan untuk menambahbaik kepuasan mahasiswa terhadap kualiti kehidupan di kolej kediaman dan cadangan kajian lanjutan yang boleh dilakukan.

Abstract: This study intended to identify students' satisfaction towards the life quality of Kolej Tun Ghafar Baba. The quality of life was surveyed through seven aspects that is college environment, facilities and services, staff' and Student Committee services, office's administration, student overall experience, safety and monitoring with program and activity conducted. This descriptive study used a modified questionnaire as the research instrument, and involved randomly selected 306 Kolej Tun Ghafar Baba residents. The data were analyzed using the Statistical Packages for Social Science (SPSS) software and the findings were presented in the form of frequency, percentages, and mean. The findings indicated that the students were satisfied towards the quality of life at the Kolej Tun Ghafar Baba, UTM in all aspects surveyed. This study also proposes suggestions to improve the quality of life at the residential college, and further study that can be carried out.

Katakunci: kepuasan mahasiswa, Kolej Tun Ghafar Baba, kualiti kehidupan

Pengenalan

Penginapan dalam kampus merupakan salah satu ciri atau aspek kehidupan mahasiswa dan mahasiswi sepanjang tempoh pengajian mereka di institusi pengajian tinggi. Pembangunan mereka dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek bukan sahaja di pengaruhi oleh persekitaran dalam bilik kuliah tetapi juga persekitaran tempat penginapan dan juga lain-lain tempat di universiti.

Pernyataan Masalah

Persekitaran yang kondusif, kemudahan dan perkhidmatan berkualiti, layanan staf dan Ahli Jawatankuasa Mahasiswa profesional, pentadbiran pejabat pengurusan yang cekap, pengalaman kehidupan di kampus yang bermakna, pengawasan dan keselamatan yang tinggi mutunya, serta program dan aktiviti yang menarik dan mencabar serta mampu memberikan kepuasan kepada penghuni Kolej Tun Ghafar Baba . Berasaskan masalah-masalah yang dihadapi oleh mahasiswa, pihak institusi pengajian tinggi tidak tahu sama ada mahasiswa berasa selesa tinggal di kolej kediaman atau tidak. Mereka juga tidak sedar sejauh manakah kualiti kehidupan mahasiswa di kolej kediaman yang sedikit sebanyak membawa kesan positif ataupun negatif terhadap kecemerlangan akademik dan bukan akademik. Ini adalah kerana, masih belum

terdapat lagi kajian yang dijalankan bagi mengenalpasti kualiti kehidupan mahasiswa dan mahasiswi di kolej kediaman di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor Bahru. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui sejauh manakah kualiti kehidupan mahasiswa yang tinggal di Kolej Tun Ghafar Baba (KTGB), UTM, Skudai, Johor Bahru.

Objektif Kajian

Berasaskan kepada pernyataan masalah di atas objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Menenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti persekitaran di Kolej Tun Ghafar Baba.
- ii. Menenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di Kolej Tun Ghafar Baba.
- iii. Menenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti layanan kakitangan dan ahli jawatankuasa mahasiswa di Kolej Tun Ghafar Baba.
- iv. Menenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti pentadbiran pejabat pengurusan di Kolej Tun Ghafar Baba.
- v. Menenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti keseluruhan pengalaman kehidupan di Kolej Tun Ghafar Baba.
- vi. Menenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti pengawasan dan keselamatan di Kolej Tun Ghafar Baba.
- vii. Menenalpasti kepuasan mahasiswa terhadap kualiti program dan aktiviti yang dijalankan di Kolej Tun Ghafar Baba

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini dijangkakan dapat memberi maklumbalas yang boleh digunakan untuk menambahbaik kualiti kehidupan mahasiswa di Kolej Tun Ghafar Baba, membantu pihak Hal Ehwal Pelajar UTM, pentadbiran kolej kediaman, dan juga ahli jawatankuasa mahasiswa meningkatkan kepuasan pelanggan mereka. Kepada pihak Pejabat Hal Ehwal Pelajar hasil kajian ini dapat digunakan sebagai garis panduan untuk menyediakan pelbagai kemudahan di Kolej Tun Ghafar Baba. Kepada pihak pentadbir Kolej Tun Ghafar Baba, hasil kajian juga dapat digunakan untuk mempertingkatkan lagi kemudahan, keselesaan serta suasana di Kolej Tun Ghafar Baba. Kepada ahli jawatankuasa di Kolej Tun Ghafar Baba diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan mereka garis panduan aktiviti-aktiviti pembangunan yang perlu untuk mahasiswa di Kolej Tun Ghafar Baba. Kesimpulannya hasil daripada kajian ini juga dapat digunakan oleh pihak universiti sebagai rujukan untuk dijadikan panduan dalam merangka dasar ataupun program-program tertentu untuk kepentingan mahasiswa dan mahasiswi di kolej kediaman UTM.

Batasan Kajian

Kajian ini telah dijalankan di Kolej Tun Ghafar Baba, UTM, Skudai sahaja. Populasi dan sampel-sampel adalah terdiri daripada mahasiswa Kolej Tun Ghafar Baba, UTM. Kajian ini juga hanya menfokuskan kepada tujuh pembolehubah sahaja iaitu persekitaran kehidupan, kemudahan dan perkhidmatan, layanan kakitangan kolej kediaman, pejabat pengurusan kolej kediaman, keseluruhan pengalaman penghidupan, pengawasan dan keselamatan, serta program dan aktiviti.

Hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi kolej kediaman di Institusi Pengajian Tinggi lain di seluruh Malaysia. Hasil kajian terbatas kepada populasi di kolej kediaman berkaitan sahaja. Dapatan kajian juga sangat bergantung kepada kejujuran mahasiswa yang telah dipilih sebagai responden dalam memberikan jawapan tepat dan benar kepada soal selidik yang dikemukakan.

Metodologi

Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian adalah terdiri daripada mahasiswa yang tinggal di Kolej Tun Ghafar Baba, UTM, Skudai. Mengikut jadual Morgan dan Krejcie (1970) sampel kajian perlu mewakili populasi. Disebabkan Kolej Tun Ghafar Baba mempunyai seramai 1329 mahasiswa, justeru itu sekurang-kurangnya seramai 302 mahasiswa dipilih secara rawak mudah sebagai sampel kajian bagi mewakili populasi yang digunakan.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang telah digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik daripada kajian lepas serta telah diubahsuai mengikut kesesuaian dan dialihbahasa. Soal selidik ini telah digunakan dalam kajian lepas yang telah dijalankan di empat buah universiti luar negara iaitu, *Pennstate University Amarika (2006)*, *Rhodes University South Africa (2001)*, *Lewis And Clark College (2005)* dan *Central Arizona College (2004)*. Soal selidik digunakan kerana lebih mudah dalam pengumpulan data. Selain dari itu, soal selidik juga dapat meliputi saiz yang besar dengan kos yang sederhana.

Soal-selidik yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada lapan bahagian iaitu bahagian A, B, C, D, E, F, G dan H.. Bahagian A digunakan untuk mengisi maklumat peribadi atau latar belakang responden.

Bahagian B, C, D, E, F, G, dan H pula mengandungi 60 item yang merangkumi aspek persekitaran Kolej Tun Ghafar Baba, kemudahan dan perkhidmatan di Kolej Tun Ghafar Baba, kakitangan Kolej Tun Ghafar Baba, pejabat pengurusan Kolej Tun Ghafar Baba, keseluruhan pengalaman penghidupan di Kolej Tun Ghafar Baba, pengawasan dan keselamatan di Kolej Tun Ghafar Baba serta program dan aktiviti di Kolej Tun Ghafar Baba

Soal selidik menggunakan skala yang berbeza. Bagi aspek persekitaran Kolej Tun Ghafar Baba, kemudahan dan perkhidmatan Kolej Tun Ghafar Baba, kakitangan Kolej Tun Ghafar Baba, pentadbiran pejabat pengurusan Kolej Tun Ghafar Baba, dan keseluruhan pengalaman kehidupan di Kolej Tun Ghafar Baba menggunakan skala berikut: cemerlang (A), baik (B), seperti dijangka (C), sedikit peningkatan diperlukan (D), dan lemah (E).

Manakala faktor pengawasan dan keselamatan Kolej Tun Ghafar Baba dan program dan aktiviti Kolej Tun Ghafar Baba menggunakan skala berikut: Ya (A) dan Tidak (B) Responden menjawab dengan menandakan pada ruang yang disediakan bagi memenuhi pilihan mereka.

Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan untuk menentukan ciri-ciri soalan yang perlu diubahsuai atau dikekalkan. Kajian rintis ini telah dijalankan ke atas 35 orang mahasiswa dan mahasiswi UTM, Skudai, Johor Bahru. Nilai kebolehpercayaan keseluruhan item soal selidik ialah alpha cronbach 0.95 alpha. Menurut Azizi (2007), tujuan kajian rintis ini adalah untuk mendedahkan kekeliruan dan soalan bermasalah yang lain yang masih wujud dalam soal selidik.

Keputusan

Analisis Tahap Penerimaan

Jadual 1: Analisis Tahap Penerimaan Responden Terhadap Keseluruhan Kajian

Item	Pernyataan	C	B	SD	SPD	L	
		Berpuas hati			Tidak berpuas hati		
1	Persekitaran Tempat Tinggal	77.5%			22.5%		
2	Kemudahan Dan Perkhidmatan Kolej Kediaman	80.0%			20.0%		
3	Kakitangan Kolej Kediaman	60.8%			39.2%		
4	Pejabat-Pejabat Pengurusan Kolej Kediaman	83.3%			16.7%		
5	Pengalaman Tinggal Di Kolej Kediaman	81.2%			18.8%		
Purata		76.6%			23.4%		

Perbincangan

Persekitaran Kolej Tun Ghafar Baba

Kehidupan mahasiswa di kolej kediaman secara tidak langsung sebenarnya mempengaruhi tahap pembelajaran mereka. Ini selaras dengan pendapat Jamaluddin et al. (1996), pendidik dan prasarana merupakan unsur penting dalam proses pendidikan. Ini kerana dengan adanya kemudahan yang baik dan persekitaran yang kondusif akan dapat membantu pelajar dalam proses pembelajaran yang selesa. Sebagai contoh, persekitaran yang sunyi akan dapat membantu pelajar member sepenuh perhatian kepada pembelajaran. Persekitaran sebegini dapat dicapai dengan adanya kerjasama daripada pelajar yang tinggal di aras atau blok kediaman mahasiswa berkenaan.

Dapatan kajian mendapati bahawa tahap persekitaran kolej kediaman, adalah memuaskan dalam memenuhi kualiti kehidupan di kolej kediaman. Ramai mahasiswa berpendapat bahawa suasana waktu tidur dan rehat di kolej kediaman mereka berada dalam keadaan yang baik. Ini dapat membantu mahasiswa untuk memperolehi waktu rehat dan tidur yang berkualiti. Oleh yang demikian, mahasiswa dapat memberi perhatian yang baik dalam proses pembelajaran mereka nanti. Ini dikuatkan lagi dengan pendapat Knirk (1979), yang menyatakan bahawa bunyi yang terlalu bising atau tidak dijangka (*unexpected*) dalam apa juga frekuensi sekalipun akan mengakibatkan gangguan.

Selain itu juga, tahap kebebasan dari sebarang bentuk “pencabulan dan gangguan” di kolej kediaman berada pada tahap yang sangat baik. Ini bermakna dengan tinggal di kolej kediaman, mahasiswa bebas daripada masalah yang melibatkan seksual, perkauman, mahupun pergaduhan. Tahap penghormatan antara satu sama lain juga amat baik di kolej kediaman ini. Dengan terjalannya perhubungan yang akrab sesama penghuni, mereka akan dapat saling membantu ketika salah seorang mengalami kesulitan. Pendapat ini disokong oleh Manja (1992), beliau menyatakan bahawa jika kelompok rakan yang dianggotai itu adalah kelompok yang baik maka peribadi yang terbentuk juga akan baik dan begitulah sebaliknya.

Kemudahan Dan Perkhidmatan Di Kolej Tun Ghafar Baba

Berdasarkan kajian ini, majoriti mahasiswa berpuas hati terhadap Kolej kediaman berperanan penting dalam menyediakan pelbagai perkhidmatan asas dan sampingan kepada mahasiswa pada setiap hari. Ini selaras dengan pendapat Abu Hassan (1996), perkhidmatan mahasiswa tersebut merupakan salah satu bahagian yang diintegrasikan dalam pengajian tinggi. Perkhidmatan yang diberikan juga dapat membantu peningkatan kualiti hidup, mengurangkan tekanan, kemurungan, keterasingan supaya mahasiswa dapat mengalami suasana pembelajaran yang optimum dan berkualiti serta membantu meningkatkan pencapaian akademik mereka di samping menghasilkan personaliti yang dinamik dan holistik.

Berdasarkan daripada penganalisan, kemudahan dan perkhidmatan di kolej kediaman ini berada pada tahap yang memuaskan. Ini kerana pihak kolej kediaman telah menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan perkhidmatan pembersihan yang baik. Ini terbukti dengan keadaan fizikal kolej kediaman sentiasa bersih dan kemas. Dengan ini, kualiti kehidupan yang melibatkan kemudahan dan perkhidmatan di Kolej Tun Ghafar Baba memenuhi kehendak kualiti kehidupan mahasiswa.

Kakitangan Dan Ahli Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Tun Ghafar Baba

Kolej kediaman bukan sahaja berperanan untuk menyediakan tempat penginapan kepada para siswasiswi, tetapi juga bertanggungjawab untuk pembangunan mereka dari segi intelek, rohani, sahsiah dan fizikal. Mereka yang terlibat dalam proses pembinaan peribadi ini haruslah mempunyai antara lain minat yang tinggi terhadap pembangunan mahasiswa, bermotivasi dan boleh memotivasikan orang lain, mempunyai peribadi baik dan yang paling utama ialah memiliki keistimewaan yang boleh dimanfaatkan untuk pembangunan mahasiswa (Jawatankuasa Pembangunan Felo, 1991).

Kakitangan dan ahli jawatankuasa kolej kediaman merupakan tulang belakang penting dalam pembentukan organisasi pertadbiran di kolej kediaman. Ahli jawatankuasa merupakan wakil daripada kalangan mahasiswa itu sendiri. Peranan mereka adalah untuk mewakili suara mahasiswa di dalam kolej kediaman mereka.

Daripada maklumbalas yang diperolehi, menyatakan bahawa Ahli Jawatankuasa kolej kediaman adalah jawatankuasa yang boleh dibawa berbincang dan mudah untuk didekati. Daripada hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa Felo di Kolej Tun Ghafar Baba jarang menziarahi aras kolej kediaman mahasiswa. Ahli Jawatankuasa Kolej Tun Ghafar Baba kurang mengenali mahasiswa yang tinggal di kolej kediaman mereka. Jawatankuasa ini juga kurang mengadakan perjumpaan atau menziarahi mahasiswa yang tinggal di kolej ini.

Kakitangan kolej kediaman sentiasa ada untuk berbincang apabila mahasiswa memerlukannya, mereka juga sentiasa memberi komitmen yang tinggi dalam kerja mereka. Kakitangan pembersihan di kolej kediaman ini juga mempunyai nilai profesional, sopan dan baik dengan mahasiswa.

Pentadbiran Pejabat Pengurusan Kolej Tun Ghafar Baba

Perkhidmatan yang cekap dan mesra serta prihatin oleh kakitangan kolej amat penting untuk memastikan segala urusan berjalan dengan lancar. Dengan itu, mahasiswa merasa lebih selesa semasa membuat laporan aduan jika terdapat sebarang malah di kolej kediaman. Ini selaras dengan pendapat Zainal Ariffin Ahmad (1996), yang telah menggariskan beberapa fungsi utama kolej kediaman. Ini meliputi penyediaan kemudahan asas asrama dan pengelolaan kebajikan mahasiswa.

Berdasarkan kajian yang dibuat, kepuasan mahasiswa terhadap kualiti kehidupan di Kolej Tun Ghafar Baba dalam aspek pentadbiran pejabat pengurusan adalah berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan kakitangan pejabat Kolej Tun Ghafar Baba adalah kakitangan yang profesional, sopan dan berpengetahuan. Kakitangan pejabat kolej juga sentiasa memberi maklumbalas terhadap permintaan, perhubungan atau pertanyaan yang diajukan oleh mahasiswa dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Ini kerana mahasiswa sentiasa berurusan dengan Pejabat Pengurusan Kolej Kediaman seperti pendaftaran kolej kediaman, aduan kerosakan, penyewaan bilik semasa cuti semester dan sebagainya. Mahasiswa juga telah dimaklumkan mengenai tempoh masa dan polisi berkaitan dengan perjanjian oleh pengurusan kolej dari semasa ke semasa.

Pengalaman Penghidupan Di Kolej Tun Ghafar Baba

Pengalaman menjadi penghuni asrama sekolah banyak membantu mahasiswa di kolej kediaman untuk lebih yakin dan kurang mendatangkan masalah kepada pihak pengurusan atau rakan sebilik. Kehidupan di asrama sekolah masa lalu membantu mahasiswa lebih yakin menjalani kehidupan di universiti. Selain dari itu, pengalaman tinggal di asrama juga membantu memudahkan pihak pengurusan mengendalikan program untuk penghuni kolej kediaman.

Mahasiswa yang berpengalaman tinggal di asrama sekolah juga tidak kekok dalam menguruskan diri sebagai mahasiswa dan hubungan bersama rakan sebilik atau penghuni lain. Berbekalkan pengalaman tinggal di asrama, mahasiswa tersebut akan memilih untuk tinggal di kolej kediaman sekiranya berpeluang untuk menyambung pelajaran. Ini kerana mereka berasa lebih yakin berpandukan pengalaman yang ada berbanding dengan menyewa rumah di luar kampus. Tetapi ada juga mahasiswa yang memilih untuk tinggal di luar kampus atas sebab mengikut rakan atau ingin mencari pengalaman. Terdapat juga mahasiswa yang memilih untuk tinggal menyewa di luar kampus kerana ingin bebas dari peraturan asrama sebagaimana pengalaman semasa zaman persekolahan dahulu.

Pelbagai kemudahan yang terdapat di kolej kediaman juga mendorong mahasiswa memilih untuk tinggal di kolej kediaman dan ini memudahkan kehidupan mereka sehingga tamat pengajian. Dengan ini, mereka mempunyai lebih masa untuk menumpukan kepada pelajaran selain persekitaran kolej kediaman yang hamper dengan bangunan kuliah atau perpustakaan.

Dapatan kajian mendapati majoriti mahasiswa di Kolej Tun Ghafar Baba berpendapat bahawa, keseluruhan pengalaman penghidupan tinggal di kolej kediaman adalah memuaskan dalam memenuhi kualiti kehidupan di kolej kediaman. Majoriti mahasiswa mengatakan bahawa apabila menetap di kolej kediaman, mereka berpeluang untuk bertemu dan berkenalan dengan rakan-rakan baru. Kebebasan diperolehi bila mana seseorang remaja itu berada di luar pengawasan keluarga. Jika kelompok yang dianggotai itu adalah kelompok yang baik maka peribadi yang terbentuk juga akan baik dan begitulah sebaliknya (Manja, 1990).

Mahasiswa juga berpendapat, tinggal di kolej kediaman telah memberikan mereka peluang untuk mengembangkan kebolehan dan nilai kepimpinan mereka. Dengan tinggal di kolej kediaman mahasiswa dapat mengenali adab budaya daripada pelbagai kaum dan agama.

Pengawasan Dan Keselamatan Di Kolej Tun Ghafar Baba

Hasil dapatan kajian dalam mengenalpasti tahap pengawasan dan keselamatan di Kolej Tun Ghafar Baba, maklumbalas yang baik diperolehi daripada responden. Sebilangan besar daripada responden, menyatakan tinggal di kolej kediaman lebih selamat berbanding dengan tinggal di luar kolej kediaman. Ini bertepatan dengan Hierarki Keperluan Maslow (1954) yang menyatakan terdapat lima keperluan asas manusia dalam kehidupan mereka di mana salah satu daripadanya ialah keperluan keselamatan.

Mahasiswa berasa selamat untuk keluar dan masuk kolej kediaman pada waktu yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan. Ini kerana kakitangan dan mahasiswa yang mempunyai kenderaan dikehendaki untuk mendaftar di Pejabat Keselamatan Universiti dan akan dibekalkan dengan pelekat kenderaan. Pengawal Keselamatan akan menahan kenderaan yang tidak mempunyai pelekat kenderaan yang dikeluarkan oleh Pejabat Keselamatan Universiti. Kenderaan tersebut tidak akan dibenarkan masuk kecuali mendapat pas pelawat di pondok keselamatan, ini secara tidak langsung akan dapat mengawal kenderaan luar dari memceroboh kawasan kolej kediaman mahupun universiti. Ini selaras dengan pendapat Zainal Ariffin Ahmad (1996), yang telah menggariskan salah satu fungsi utama kolej kediaman di universiti yang dipantau oleh pihak pengurusan kolej adalah untuk memastikan keselamatan pelajar dan kolej kediaman. Pendapat ini disokong oleh Moser (1970), menyatakan jika manusia diminta untuk menyenaraikan perkara-perkara yang mereka prihatin dalam kehidupan mereka, perkara-perkara tersebut akan merangkumi keselamatan daripada jenayah.

Pencahayaannya yang baik pada waktu malam di kawasan kolej kediaman adalah salah satu cara untuk mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti kecurian, pencerobohan dan sebagainya. Mahasiswa juga percaya, kakitangan kolej kediaman sentiasa bersedia 24 jam sehari untuk menghadapi sebarang kemungkinan atau kecemasan.

Program Dan Aktiviti Di Kolej Tun Ghafar Baba

Dalam persoalan kajian ini, hasil dapatan menunjukkan ramai responden berpendapat bahawa program dan aktiviti yang dijalankan memenuhi kehendak kualiti kehidupan di kolej kediaman mereka. Ini bertepatan dengan pendapat Zainal Ariffin Ahmad (1996), yang menyatakan di mana salah satu fungsi utama kolej kediaman adalah menyediakan aktiviti-aktiviti untuk penghuninya. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuklah aktiviti sosial, aktiviti fizikal dan aktiviti intelektual seperti keilmuan, sosial dan kemahiran belajar. Mahasiswa juga diberi peluang untuk merancang dan membantu dalam menjayakan satu-satu aktiviti di kolej kediaman, ini bermakna bukan ahli jawatankuasa sahaja yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan aktiviti di kolej kediaman.

Mahasiswa juga memberi maklumbalas yang baik terhadap kualiti setiap aktiviti yang dijalankan, aktiviti tersebut juga mampu membina sifat berdikari dan mampu membentuk keyakinan diri setiap mahasiswa. Aktiviti yang dijalankan juga boleh mewujudkan rasa hormat kepada diri sendiri, orang lain, harta benda dan cara melayan semua penghuni kolej kediaman dengan mesra dan sopan.

Rumusan

Rumusan yang boleh dibuat terhadap kajian ini adalah seperti berikut:

- 1 Mahasiswa berpuas hati terhadap kualiti kehidupan mereka di Kolej Tun Ghafar Baba dari aspek persekitaran.
- 2 Mahasiswa berpuas hati terhadap kualiti kehidupan mereka di Kolej Tun Ghafar Baba dari aspek kemudahan dan perkhidmatan.
- 3 Mahasiswa berpuas hati terhadap kualiti kehidupan mereka di Kolej Tun Ghafar Baba dari aspek layanan staf dan AJK Mahasiswa.
- 4 Mahasiswa berpuas hati terhadap kualiti kehidupan mereka di Kolej Tun Ghafar Baba dari aspek pentadbiran pejabat pengurusan.

5 Mahasiswa berpuas hati terhadap kualiti kehidupan mereka di Kolej Tun Ghafar Baba dari aspek keseluruhan pengalaman kehidupan.

6 Mahasiswa berpuas hati terhadap kualiti kehidupan mereka di Kolej Tun Ghafar Baba dari aspek pengawasan dan keselamatan.

7 Mahasiswa berpuas hati terhadap kualiti kehidupan mereka di Kolej Tun Ghafar Baba dari aspek program dan aktiviti.

Berbalik kepada latar belakang kajian, penghuni kolej kediaman lebih suka keluar meninggalkan kampus apabila tiba hujung minggu bukanlah disebabkan oleh kualiti kehidupan yang kurang memuaskan tetapi mungkin ada sebab-sebab lain contohnya untuk mencari hiburan ataupun keseronokan yang tidak terdapat di kawasan kampus.

Rujukan

Abu Hassan Othman (1996). *Pengurusan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Huraian Kritis. Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan 1996 (SPARK 96)*. Mei 17-19. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Atan Long (1982). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Azizi Yahaya *et.al* (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Best, J. W. and James (1989). *Research In Education*. Six Edition. New:Prentice Hall.United Kingdom

Blimling, G. (1999). *The Resident Assistant Fifth Edition*. United States of America: Kendall/ Hunt Publishing Company.

Burton, R. (1977). Leisure and the Social Services, in H. M. S. O. Leisure and the Quality of Life: A Report on Four Local Experiments. London.

Buku Panduan Pelajar (2005). Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Universiti Teknologi Malaysia.

Buku Peraturan Aktiviti Pelajar (2007). Universiti Teknologi Malaysia.

Chikering A.W.(1969). *Education and Identity*. San Francisco: Jossey - Bass

Dober Richard P. (2000). *Campus Landscape:Function, Forms, Features*. New York.

Drewnowski, J. (1974). *On Measuring and Planning the Quality of Life*. The Hague.

Dalkey, N.C. and Rourke, D. L. (1973). The Delphi Procedure and Rating Quality of Life Factors, in Experimental Assessment of Delphi Procedures with Group Value Judgments. Rand Corporation Carlifonia.

Ee, Ah Meng (1997). *Psikologi Pendidikan 2 (Semester 2)*. Shah Alam:Fajar Bakti

Garland, Peter H.(1990). *Serving More Than Student*. A Critical Need for College Personnel Services. Association for The Study of Higher Education. Chicago.

- Habibah Elias, Noran Fauziah Yaakub (1997). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamaludin Mohd Yatim, Nordin Othman dan Ramli Ibrahim (1996). Program Pembangunan Pelajar di Kolej Kediaman: Tinjauan di Universiti Teknologi Malaysia. *Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK)*. Mei 17-19. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarudin Kasim (1998). Pengurusan kolej kediaman : peranan pentadbiran kolej, felo, jawatankuasa kolej mahasiswa dalam menjayakan program pembangunan pelajar. *Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK)*. Mei Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan (1999). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Knirk, Frederick G (1979). *Designing Productive Learning Environment*. Englewood Cliffs, NJ: Educational Technology
- Mohamad Najib b. Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Pertama. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslow, A. H. (1954). *Motivation and Personality*. New York.